



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

HARI PEKERJA 2025 – MENGANGKAT MARTABAT PEKERJA MELALUI 3K: KEBAJIKAN, KEMAHIRAN, KEBERHASILAN

Putrajaya, 1 Mei 2025 - Malaysia hari ini menyambut Hari Pekerja 2025 dengan tema “Pekerja Kesuma Bangsa, Malaysia MADANI”, mengiktiraf para pekerja sebagai nadi pembangunan negara. Tema ini memperkukuh penghormatan terhadap usaha dan pengorbanan golongan pekerja yang membina asas ketahanan dan kemajuan negara dalam apa jua cabaran.

Kerajaan terus melaksanakan pendekatan berfokus pekerja melalui rangka 3K- Kebajikan, Kemahiran dan Berhasilan, yang menjadi teras dasar tenaga kerja negara seiring dengan nilai kemanusiaan dan kemajuan inklusif dalam Malaysia MADANI.

REKOD PELABURAN & PELUANG PEKERJAAN

Tahun 2024 mencatatkan pelaburan diluluskan tertinggi dalam sejarah negara iaitu **RM329.5 bilion**, dengan **207,241 peluang pekerjaan baharu** dicipta. Pertumbuhan KDNK 5.1% dan kadar pengangguran menurun kepada 3.1% memperlihatkan ketahanan ekonomi dan kejayaan dasar tenaga kerja kerajaan.

KOMITMEN NYATA MELALUI INISIATIF STRATEGIK PEKERJA

Dalam usaha memastikan kemakmuran ekonomi turut dirasai secara menyeluruh oleh tenaga kerja, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik berimpak tinggi. Ia merangkumi penyelarasan undang-undang, penambahan manfaat perlindungan sosial, pemerkasaan platform digital pencarian kerja serta pengiktirafan peranan kesatuan sekerja.

KEBAJIKAN: GAJI MINIMUM & PERLINDUNGAN 24 JAM

Bagi meningkatkan kebajikan pekerja, kerajaan telah:

- Menyemak semula gaji penjawat awam dengan pelarasan **sehingga 15%**.
- Gaji minimum dinaikkan kepada RM1,700, memberi manfaat kepada lebih **4.3 juta pekerja**.
- Perlindungan sosial diperluas melalui pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), membolehkan perlindungan PERKESO 24 jam sehari.
- Tambahan faedah di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) turut diumumkan:
- Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) **meningkat kepada 50%**.
- Elaun Latihan dinaikkan kepada **RM30/sehari**.
- Elaun Mobiliti **sebanyak RM1,000** untuk pekerja yang menerima tawaran kerja di lokasi melebihi 100 kilometer daripada tempat asal mereka.
- Siling bayaran bagi Fi Latihan kepada penyedia latihan juga **ditingkatkan kepada RM7,000**

KEMAHIRAN: DIGITAL, TVET & TRANSFORMASI PASARAN BURUH

Untuk membina tenaga kerja masa depan, agenda kemahiran diberi tumpuan serius melalui:

- Pelancaran aplikasi mudah alih MYFutureJobs (Mei 2025) - dengan padanan kerja automatik, notifikasi temu duga segera dan capaian mesra pengguna kepada lebih **1.5 juta kekosongan pekerjaan**.
- Sepanjang 2024, **204,819** pencari kerja berjaya ditempatkan menerusi portal MYFutureJobs.
- Kerajaan komited memperkasa Pendidikan & Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai laluan utama pembangunan kemahiran masa depan. Melalui pelaburan industri, penempatan latihan, dan insentif peminjam PTPK, TVET kini memainkan peranan strategik dalam melahirkan tenaga kerja mahir, berdaya saing dan bersedia untuk cabaran ekonomi hijau serta digital.

- HRD Corp mencatat kutipan levi tertinggi iaitu **RM2.3 bilion**, dengan **98%** digunakan untuk latihan – bukti keseriusan kerajaan dan industri terhadap peningkatan kemahiran pekerja.

KEBERHASILAN: PENGIKTIRAFAN & PERKHIDMATAN MESRA RAKYAT

Untuk memastikan hasil kerja dihargai:

- **Kad Pekerja MADANI** diberikan kepada lebih 1 juta ahli kesatuan sekerja – memberi akses diskaun sehingga **30%** di lebih **100 syarikat yang menawarkan barangan keperluan dan perkhidmatan** seperti AEON, Mydin, Jakel, Marrybrown, dan Genting, Old Town White Coffee, Zuss Coffee, SOCAR dan Bateriku.
- Penubuhan **Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerja di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor** bagi menyatukan perkhidmatan agensi berkaitan buruh di bawah satu bumbung memudahkan akses dan menyelesaikan isu pekerja secara berkesan.

UNDANG-UNDANG BURUH SABAH & SARAWAK DISELARASKAN

Mulai 1 Mei 2025, undang-undang buruh Sabah dan Sarawak diselaraskan secara rasmi - memberi manfaat kepada lebih **3.5 juta pekerja** di kedua-dua wilayah. Langkah ini membetulkan ketidakseimbangan perundangan buruh sejak lebih dua dekad lalu dan menyerlahkan semangat kesaksamaan Persekutuan.

MALAYSIA MADANI: PEKERJA WIRA NEGARA

Malaysia MADANI meletakkan martabat insan sebagai asas utama pembangunan negara. Para pekerja tidak kira sektor, lokasi atau status diiktiraf sebagai insan berharga yang menyumbang kepada kestabilan, kemajuan dan kesejahteraan bersama.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

1 MEI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	